

Headline	George Kent tingkat R&D pementaran
MediaTitle	Berita Harian
Date	22 Apr 2015
Section	Ekonomi
Page No	B4
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



## George Kent tingkat R&D pementaran

**George Kent (M) Bhd**, syarikat kejuruteraan tempatan, menyasar untuk memenuhi permintaan industri bagi penyelesaian pementaran menerusi pelaburan besar dalam teknologi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Pengarah Eksekutifnya, Bernie CK Ooi, berkata syarikat itu mahu meningkatkan rangkaian nilai dan perlu meluaskan kapasiti pengeluaran dan keupayaan pengeluaran bagi memenuhi permintaan untuk meter pada masa akan datang.

“Bagi merealisasikan ia, kami membuat pelaburan besar dalam teknologi inovatif dan R&D.

“Kami akan mengembalikan apa yang diperlukan daripada keuntungan untuk R&D dalam tempoh lima tahun akan datang bagi membolehkan kami melaksanakan inovasi dan memenuhi jangkaan pelanggan dan industri yang sentiasa berubah.

“Hampir RM50 juta sudah disediakan untuk meluas dan meningkatkan keupayaan pengeluaran meter termasuk membeli mesin baharu untuk membolehkan syarikat mengeluarkan lebih daripada dua juta meter setahun,” katanya di Kuala Lumpur semalam.

Beliau sebelum itu melawat kemudahan George Kent, termasuk Pusat Teknologinya di Puchong dan Fasa 1 projek sambungan jajaran Ampang Light Rail Transit (LRT).

Oktober lalu, George Kent memperoleh kontrak bernilai RM57 juta untuk mereka bentuk dan melaksanakan pembinaan Fasa 2 Hospital Kuala Lipis selepas berjaya menyiapkan Fasa 1.

**BERNAMA**